



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

TARIKH	13 FEBRUARI 2026 (JUMAAT)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	JPA SEMAK SEMULA GARIS PANDUAN LAPUK		
M/S	1 & 4 (NASIONAL)	KATA KUNCI	JPA, GUIDELINES, CIRCULAR,
BIDANG	CIVIL SERVICE	INVESTMENT, STOCKS	


Isu pegangan saham penjawat awam

JPA semak semula garis panduan lapuk



Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) wajibkan semua entiti kerajaan semak semula instrumen kawal selia termasuk pekeliling, peraturan dan garis panduan setiap tiga tahun. Pekeliling melebihi 20 tahun atau yang tidak lagi relevan sedang diberi perhatian untuk dikemas kini, termasuk berkaitan pekerjaan luar dan pemilikan saham oleh pegawai awam.

Oleh Muhammad Yusri Muzamir → Nasional 4



Pengemaskinian jadi agenda utama dalam Reformasi Kerenah Birokrasi yang menjadi teras kepada Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam. (Foto hiasan)

JPA semak semula garis panduan lebih 20 tahun

Langkah pastikan dasar kerajaan sentiasa relevan dengan perkembangan semasa

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menyemak semula pekeliling, peraturan dan garis panduan yang melebihi 20 tahun termasuk berkaitan pekerjaan luar dan pemilikan saham oleh pegawai awam.

JPA dalam satu kenyataan semalam berkata, ia berdasarkan keperluan semasa meliputi pel-

bagai aspek perubahan yang berlaku dalam persekitaran kerajaan, ekonomi, perniagaan dan teknologi.

Katanya, pengemaskinian itu juga menjadi agenda utama dalam Reformasi Kerenah Birokrasi yang menjadi teras kepada Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam, berorientasikan peningkatan kecekapan, integriti dan memperkasa penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

"Ini bagi memastikan dasar kerajaan sentiasa relevan dengan perkembangan semasa, namun kekal seimbang antara elemen integriti dan realiti semasa, tanpa menjejaskan prinsip ketelusan serta akauntabiliti pegawai awam," katanya.

Pada masa sama, JPA menegaskan, semua entiti kerajaan diwajibkan menyemak semula setiap instrumen kawal selia, termasuk pekeliling, peraturan dan garis panduan di bawah bidang

kuasa masing-masing.

Semakan setiap 3 tahun

Katanya, semakan itu perlu dilakukan dalam setiap tiga tahun mengikut ketetapan Akta Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 (Akta 867) yang berkuat kuasa pada 1 Disember lalu.

Selain itu, JPA berkata, prosedur semakan perlu dibuat berdasarkan Pekeliling Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2025.

"Pekeliling, peraturan dan garis panduan melebihi 20 tahun atau pemakaiannya tidak lagi relevan ketika ini diberi perhatian untuk dikemas kini, termasuk berkaitan pekerjaan luar dan pemilikan saham pegawai awam.

"Ini berdasarkan keperluan dan keadaan semasa meliputi pelbagai aspek perubahan yang berlaku dalam persekitaran kerajaan, ekonomi, perniagaan dan teknologi," katanya.